

Maritim Malaysia tahan bot nelayan Thailand tangkap hasil laut secara haram

Bot asing ceroboh perairan Kelantan

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH - Sebuah bot nelayan Thailand yang diketuai seorang tekong dan empat awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan selepas dikesan menceroboh perairan negara ini untuk menangkap ikan kira-kira 115 kilometer dari Tok Bali di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.26 petang itu, kapal *Maritim Amanah* yang diketuai Leftenan Komander Mohd. Pazrul Mustapa sedang melakukan rondaan Ops Perkasa Timur di kawasan tersebut sebelum berjaya menemui mereka dalam keadaan mencurigakan.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Nu-

rul Hizam Zakaria berkata, hasil pemeriksaan awal mendapati kesemua nelayan itu adalah warganegara Thailand yang berusia antara 32 hingga 58 tahun.

"Mereka turut gagal menunjukkan dokumen identiti diri selain tidak memiliki surat kebenaran menangkap ikan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia yang membolehkan warga asing menjalankan kerja menangkap ikan secara sah di perairan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pangkalan Operasi Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali, dekat sini semalam.

Nurul Hizam berkata, bot yang menggunakan nombor pendaftaran TM 3552 A bersama nelayan tersebut kemudiannya ditunda

ke Pangkalan Operasi Maritim Malaysia Kelantan pada pukul 10 malam untuk siasatan lanjut.

"Anggaran rampasan yang membabitkan hasil tangkapan dan peralatan serta bot berjumlah RM500,000.

"Kesemua nelayan ini ditahan reman di Pejabat Maritim Malaysia untuk disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985 kerana melakukan aktiviti menangkap ikan tanpa permit yang sah," katanya.

Ujarnya, jika disabitkan kesalahan bot mereka akan dirampas manakala tekong akan didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi 1 tahun, manakala awak-awak akan didenda tidak lebih RM500,000 atau penjara tidak melebihi setahun.



ANGGOTA Maritim Malaysia mengawal nelayan asing Thailand ditahan di Pangkalan Operasi Maritim Malaysia Kelantan, di Tok Bali semalam.